

BAB V

Rumusan Dan Cadangan

Pengenalan

Walaupun mata pelajaran Sejarah telah dijadikan mata pelajaran teras oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ia masih lagi gagal menjadi mata pelajaran yang dihargai dan diminati oleh para pelajar. Antara punca kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran ini kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran yang stereotaip, berpusatkan guru dan tidak melibatkan pelajar secara aktif. Walaupun Pusat Perkembangan Kurikulum telah memberi cadangan dan panduan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang seharusnya digunakan oleh guru untuk mengajar Sejarah. Walaupun begitu, cadangan dan saranan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum tidak diambil peduli oleh guru yang mengajar Sejarah. Hal ini mungkin berpunca dari sikap guru yang menganggap kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional akan menjamin kejayaan pelajar dalam peperiksaan atau mungkin terperangkap dengan ‘keselesaan’ kaedah tersebut.

Jika situasi pengajaran dan pembelajaran Sejarah kekal begini, ia bukan saja meluaskan jurang minat pelajar terhadap mata pelajaran ini tetapi juga menggagalkan tercapainya matlamat dan objektif pendidikan Sejarah. Hal ini

pernah disuarakan oleh Prof. Rahimah Hj. Ahmad Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (dalam Abd. Rahim 1996) iaitu :

“Wawasan pendidikan Sejarah tidak akan dapat direalisasikan jika corak pengajaran mata pelajaran ini di sekolah masih bersifat tradisional dan membosankan murid. Hakikat ini perlu disedari oleh guru supaya kita sentiasa bersedia melakukan perubahan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran Sejarah lebih berkesan”. (hal: vii)

Oleh itu, sebagai seorang guru Sejarah mereka seharusnya berani mencuba menggunakan kaedah pengajaran yang baru seperti kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

5.1. Rumusan

Sistem pendidikan kita jelas menggalakkan persaingan dan pertandingan dalam pencapaian akademik umumnya. Ada yang berpendapat semangat berlumba baik dalam pencapaian akademik, dan ianya menjadi motivasi yang berkesan kepada individu tetapi ada yang berpendapat sebaliknya. Tetapi adalah lebih baik jika semangat bertanding dan semangat kerjasama dapat diterapkan dalam pembelajaran pelajar khusus dalam konteks pendidikan di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang bermasyarakat majmuk adalah perlu satu bentuk amalan di dalam bilik darjah yang boleh memupuk semangat perlumbaan yang sihat dan semangat kerjasama bagi meningkatkan pencapaian akademik dan mengembangkan potensi diri. Selain itu amalan dalam bilik darjah seharusnya dapat menyubur dan menanam nilai-nilai murni seperti yang dihasratkan oleh

Falsafah Pendidikan Negara. Hasrat dan cita-cita ini boleh dicapai jika penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru di bilik darjah menjurus ke arah cita-cita ini. Dalam konteks perbincangan ini kaedah pengajaran dan pembelajaran yang difikirkan mungkin sesuai untuk cita-cita ini ialah kaedah pembelajaran koperatif.

Hal ini dinyatakan demikian kerana kaedah ini mempunyai beberapa kelebihan yang mungkin tidak terdapat dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bercorak tradisional. Antara kelebihan kaedah pembelajaran koperatif ini ialah kaedah ini berdasarkan dari beberapa teori seperti teori kognitif, behaviorisme dan psikologi sosial. Selain itu kaedah pembelajaran koperatif ini juga mempunyai pelbagai kaedah yang tergolong di dalamnya dan boleh diklasifikasikan untuk beberapa tujuan seperti membentuk dan mengukuh kumpulan, pembinaan kelas, meningkatkan kemahiran komunikasi, penguasaan maklumat, penguasaan konsep dan pelbagai fungsi (Kagan 1989/1990). Dengan kelebihan-kelebihan ini memungkinkan kaedah ini menjadi kaedah alternatif yang boleh gunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Sistem persekolahan yang ada pada hari ini kurang membantu meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi, motivasi, konsep kendiri pemupukan nilai murni dan pelbagai kemahiran lagi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hal ini berpunca dari amalan mengelompokkan para

pelajar mengikut prestasi, Syarifah (1991) (dalam Rosini dan James (1994). Fenomena ini akan berterusan jika kaedah pengajaran yang berpusatkan guru tidak diubah kepada berpusatkan pelajar. Harapan boleh diletakkan kepada kaedah pembelajaran koperatif untuk mengubah fenomena ini. Melalui kaedah pembelajaran koperatif para pelajar dapat dilibatkan secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini akan turut mengubah suasana bilik darjah dari suasana yang membosankan pelajar kepada suasana yang mendorong para pelajar meminati dan menghargai mata pelajaran Sejarah.

Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dapat mengubah dimensi pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Perubahan dimensi ini berlaku melalui dari cara:

1. Pengajaran yang berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar
2. Pelajar tidak lagi menjadi penerima pasif semasa pengajaran pembelajaran sebaliknya pencari jawapan yang aktif
3. Guru sebagai sumber ilmu kepada guru sebagai sumber rujukan
4. Menghafal sahaja sesuatu konsep kepada pemahaman sesuatu konsep melalui interaksi ahli kumpulan.
5. Penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang rutin dan streotaip oleh guru kepada pelbagai kaedah yang terdapat dalam kaedah pembelajaran koperatif

6. Mungkin hanya beberapa orang saja yang dapat kejayaan jika menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional berbanding setiap orang (ahli kumpulan) jika menggunakan kaedah pembelajaran koperatif.

Selain itu kaedah ini menyediakan suatu ruang dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar belajar dalam kumpulan, berbincang, mencari maklumat, mencari jawapan, kemahiran berfikir, kemahiran belajar dan guru memberi kebebasan pelajar belajar. Situasi seperti ini akan menyebabkan pelajar merasa keperluan mereka dipenuhi, seronok dengan aktiviti pembelajaran yang aktif dan pelajar dapat menetapkan matlamat mereka belajar. Kerjasama, tolongan-menolong memenuhi keperluan psikologi para pelajar dan hubungan akrab antara para pelajar dapat disuburkan melalui proses pembelajaran. Suasana seperti ini akan menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran seperti Sejarah. Melalui cara ini akan memungkinkan tercapainya matlamat pengajaran dan pembelajaran Sejarah seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Sejarah KBSM .

Satu lagi kelebihan dan merupakan kekuatan kaedah pembelajaran koperatif berbanding dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional ialah elemen-elemen asas yang terdapat di dalamnya. Elemen-elemen saling bergantung secara positif, interaksi saling bersemuka, tanggungjawab setiap individu, kemahiran-

kemahiran sosial dan proses yang berlaku dalam kumpulan serta matlamat kumpulan yang sama akan menjadikan penggunaan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran seperti Sejarah menghasilkan kesan positif. Ini dinyatakan demikian kerana elemen ini akan memberi peluang kepada setiap pelajar sama ada pelajar berprestasi rendah, sederhana ataupun tinggi untuk sama-sama berjaya. Oleh itu, guru perlu berperanan aktif untuk mewujudkan elemen-elemen asas ini supaya penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan implikasi yang positif kepada pelajar.

Selain itu guru perlu memahami cara melaksanakan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran dan membuat perancangan yang teliti mengenainya. Peranan guru pula sewaktu melaksanakan kaedah ini meliputi membentuk kumpulan kecil pelajar yang seimbang, menentukan objektif akademik dan bukan akademik yang hendak dicapai dengan jelas, mencipta dan mewujudkan elemen-elemen asas pembelajaran koperatif sepanjang penggunaan kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran, menentukan peranan ahli setiap kumpulan dan mengawasi perjalanan aktiviti kumpulan. Aspek-aspek ini perlu diberi perhatian khusus oleh guru, kerana kegagalan berbuat demikian akan menghilangkan konsep pembelajaran koperatif yang sebenar.

Berdasarkan tinjauan literatur, didapati bahawa kaedah pembelajaran koperatif dapat mengembangkan potensi diri para pelajar sama ada aspek kognitif,

afektif dan emosi. Kaedah ini juga menunjukkan keselarasan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah mata pelajaran Sejarah. Berdasarkan perbincangan keseluruhan kertas projek ini, memperlihatkan juga kaedah pembelajaran koperatif berupaya merealisasikan matlamat pendidikan sejarah khususnya dan Falsafah Pendidikan Negara amnya dalam konteks sekolah-sekolah di Malaysia. Walaupun begitu, ilmu Sejarah sebagai satu konsep yang sangat luas memerlukan guru Sejarah yang memiliki kualiti personal, profesional dan kepimpinan yang baik, inovatif, kreatif, terlatih, dedikasi serta mampu mencorakkan pengajaran Sejarah yang diajar. Hal ini amat penting supaya Sejarah boleh digunakan sebagai panduan pada masa hadapan. Matlamat pendidikan Sejarah akan tinggal sebagai cita-cita saja jika guru Sejarah takut dengan bayang-bayang sendiri dan tidak mahu membuat anjakan paradigma dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah .

5.2 Cadangan -Cadangan

Berdasarkan perbincangan kertas projek ini dikemukakan beberapa cadangan supaya penggunaan kaedah pembelajaran koperatif digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Cadangan-cadangan tersebut ialah;

1. Jabatan pendidikan negeri atau daerah boleh memberi kursus dalaman (*in-house-training*) kepada guru mengenai kaedah pembelajaran

koperatif melalui satu kumpulan terlatih yang di bentuk oleh pihak tersebut.

3. Pihak sekolah boleh mewujudkan jawatankuasa memandu (*steering committee*) untuk membantu guru mendalami dan memahami serta mengaplikasikan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.
4. Pihak Jabatan pendidikan negeri, daerah atau sekolah menggalakkan para guru membentuk modul-modul kaedah pembelajaran koperatif supaya boleh digunakan oleh guru dari semasa ke semasa dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran Sejarah.
3. Reorientasi guru-guru Sejarah khususnya guru-guru lama dengan kaedah-kaedah terbaru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah khususnya kaedah pembelajaran koperatif.
4. Pihak institusi pendidikan seperti maktab perguruan dan universiti boleh menawarkan kursus mengenai kaedah-kaedah pembelajaran koperatif kepada bakal-bakal guru
5. Pentadbir pendidikan seharusnya memberi kursus yang dapat meningkatkan kemahiran guru mengendalikan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kumpulan-kumpulan kecil.
6. Dicadangkan juga agar dibuat kajian lanjut mengenai kaedah pembelajaran koperatif khasnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sejarah sama ada secara teoritikal mahupun secara

empirikal. Ini adalah kerana kajian mengenai kaedah ini masih kurang dibuat kajian, khasnya di Malaysia

Mata pelajaran Sejarah memikul tanggungjawab yang berat kerana ianya bertanggungjawab untuk membina warganegara yang cinta, taat setia dan sedia berkorban kepada negara. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran Sejarah mesti menggunakan kaedah yang dapat memupuk semangat kewarganegaraan dan bersatupadu khususnya dalam konteks Malaysia. Dari perbincangan di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa kaedah pembelajaran koperatif adalah satu kaedah yang boleh alternatif untuk digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah . Ini adalah kerana kaedah ini boleh menjadi pengantara untuk mengembangkan potensi diri pelajar sama ada aspek kognitif mahupun afektif dan memungkinkan tercapainya cita-cita murni Falsafah Pendidikan Negara.